



KENYATAAN MEDIA JABATAN KERJA RAYA

MAKLUMAN PENUTUPAN SEMENTARA JALAN PARANG (ARAH BANDAR PELABUHAN KLANG), PELABUHAN KLANG, SELANGOR PADA 3 MEI 2019 JUMAAT (JAM 11.00 MALAM HINGGA 5.30 PAGI) SEHINGGA 6 MEI 2019 ISNIN (JAM 11.00 MALAM HINGGA 5.30 PAGI)

Adalah dimaklumkan bahawa Laluan 103 bermula dari seksyen 2.5 (u-turn) hingga ke seksyen 2.6 (lampu isyarat Persimpangan Bandar Sultan Suleiman akan ditutup kepada semua kenderaan pada 3 Mei 2019 (Jumaat) sehingga 6 Mei 2019 (Isnin) bermula jam 11.00 malam hingga 5.30 pagi setiap hari bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja pemasangan Rasuk-T di Jambatan Jalan Parang untuk pelebaran jambatan sedia ada.

Sehubungan dengan itu, Jalan Parang (arah Bandar Pelabuhan Klang) akan ditutup kepada semua lalulintas bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya. Papan tanda pemberitahuan akan dipasang di tapak untuk panduan pengguna jalan raya. Pengawal bendera juga akan sentiasa berada di tapak untuk mengawal trafik.

Pengguna jalan raya diminta menggunakan laluan alternatif dari Pelabuhan Utara ke Pelabuhan Barat, iaitu melalui Lebuhraya Selat Klang – Jalan Kapar – Jalan Persiaran Raja Muda. Peta lakaran laluan alternatif berkenaan disertakan untuk rujukan.

JKR berharap agar semua pengguna jalan raya mematuhi tanda arah dan papan tanda keselamatan yang disediakan. Kerjasama sepenuhnya daripada semua pengguna jalan raya amat diharapkan. Untuk maklumat lanjut, boleh berhubung dengan Pejabat Tapak Projek di talian 03-3179 0380 atau boleh menghubungi Pegawai Pengurusan Trafik Projek di talian 013-305 3417.

JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

26 April 2019

5.40 Petang



CADANGAN PENUTUPAN JALAN SEMENTARA DAN LALUAN ALTERNATIF

